

PM lancar fasa kedua MSC Mei

BH - 14/4/2004, m/s: 2

CYBERJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan melancarkan fasa kedua projek Koridor Raya Multimedia (MSC) selewat-lewatnya awal bulan depan sebagai kesinambungan projek nasional itu yang kini mencapai nilai pelaburan lebih RM16 bilion.

Dalam pelancaran fasa kedua MSC, Perdana Menteri dijangka mengumumkan pelan induk MSC yang antara lain menggariskan agenda pembangunannya sehingga tahun 2010.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, berkata Abdullah mahu MSC terus membangun, relevan serta melangkah ke tahap yang lebih baik.

"Abdullah memberi perhatian berat terhadap pembangunan MSC, terutama apabila ia melangkah ke fasa baru.

"Ini dilihat dengan tindakan Perdana Men-

teri mempengerusikan majlis pelaksanaan projek MSC selain memantau perkembangannya setiap masa," katanya selepas melawat pejabat Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Sdn Bhd di sini, semalam.

Jamaludin berkata, amat penting rangka kerja fasa kedua MSC yang disediakan mengambil kira potensi serta peluang dicetuskan oleh ledakan teknologi komunikasi maklumat (ICT) dunia sekarang.

"Jika anda renung kembali ketika MSC mula-mula dilancarkan tujuh tahun lalu, ramai yang skeptikal atau apakah ia mampu memberi pulangan dan pekerjaan," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Perdana Menteri mahu pembangunan MSC diteruskan selepas melihat perkembangan positif projek berkenaan.